

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]

SOALAN:

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Jumlah permohonan sijil halal yang telah diterima oleh JAKIM dari tahun 2010-2013 dan berapa yang telah di tolak. Nyatakan juga sebab-sebab permohonan tersebut gagal; dan

- (b) jangka masa yang diambil bagi memproses sesuatu permohonan sijil halal dan berapa banyak permohonan yang masih menunggu kelulusan.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang telah diterima oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dari tahun 2010-2013 ialah sebanyak **12,970**. Daripada jumlah tersebut, **11,079 (85%) permohonan lulus, dan 1,121(9%) tidak berjaya.**

Permohonan yang tidak berjaya adalah disebabkan kegagalan syarikat mematuhi prosedur dan syarat yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Antara sebab-sebab permohonan yang tidak berjaya adalah seperti berikut:

- i. ketidakpatuhan dari aspek syariah yang melibatkan penggunaan bahan ramuan dan peralatan yang haram hasil analisis makmal Jabatan Kimia Malaysia;
- ii. penemuan bahan ramuan kritikal yang tidak diisyiharkan dan tidak diketahui status halal semasa audit pematuhan dilaksanakan; dan

- iii. ketidakpatuhan terhadap Amalan Pengilangan yang Baik (*Good Manufacturing Practices(GMP)*) seperti kawasan pemprosesan yang kotor, penemuan najis tikus di kawasan pemprosesan produk, dan pengurusan produk yang tidak menepati keperluan suhu; dan
- iv. ketidakpatuhan terhadap Amalan Kebersihan yang Baik (*Good Hygiene Practices, (GHP)*) seperti pekerja yang tidak mematuhi amalan kebersihan seperti berkuku panjang, tidak mendapat suntikan vaksinasi, tiada pengawalan serangga perosak, dan tidak memakai pelindung kepala, sarung tangan dan kasut.

Setiap syarikat yang memohon telah dimaklumkan mengenai keperluan umum mengenai pensijilan halal Malaysia. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia di portal halal www.halal.gov.my boleh dirujuk dan menjadi panduan kepada pihak syarikat yang memohon sijil halal.

- (b) Piagam pelanggan telah menetapkan bahawa keputusan permohonan pensijilan halal akan dikeluarkan dalam **tempoh 30 hari bekerja selepas bayaran yuran** dikemukakan dengan syarat permohonan tersebut lengkap, dan tiada notis ketidakakurran (*non-conformance*) dikeluarkan semasa audit lapangan dijalankan. Setakat **2 Jun 2014**, jumlah permohonan yang sedang diproses di seluruh Malaysia adalah sebanyak **770** iaitu sebanyak (6%) dari

jumlah permohonan. Jumlah ini merangkumi permohonan yang belum lengkap, permohonan yang masih belum membuat bayaran, dan sedang dalam tindakan pembetulan oleh pihak syarikat setelah audit lapangan dijalankan.

Sekian, terima kasih.